

31 DEC 1999

SOROTAN AKHIR TAHUN-EKONOMI

RAKYAT MALAYSIA KINI LEBIH YAKIN TERHADAP MASA DEPAN LEBIH BAIK

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Rakyat Malaysia, yang terkejut dan terjejas teruk oleh zaman suram kemelesetan 1997 dan 1998, kini menyambut tahun baru dan alaf baru dengan keyakinan lebih besar dan harapan yang lebih baik.

Mereka kini lebih pasti terhadap masa depan yang lebih cerah kerana ekonomi telah menjadi stabil dan kini berada di laluan pertumbuhan. Pasti terdapat banyak yang diharapkan dengan tidak sabar-sabar memandangkan kini ekonomi sedang meningkat.

Syukur kerana kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah pemulihan yang agak sukar, dikutuk hebat dan agak di luar kebiasaan, ekonomi telah berkembang dengan lancar menuju ke arah aliran meningkat sejak April tahun 1999 ini.

Setelah penguncupan lebih rendah sebanyak 1.3 peratus dalam suku pertama tahun ini, ekonomi telah berkembang buat pertama kali dalam suku kedua sejak krisis kewangan melanda pada lewat 1997 apabila Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang sebanyak 4.1 peratus.

Ini disifatkan oleh banyak penganalisis sebagai memberangsangkan dengan pemulihan telah dicapai dalam tempoh yang singkat memandangkan bahawa hanya dalam tempoh Julai-Sept 1998 sahaja kelembapan berada pada tahap paling buruknya apabila KDNK mengecut sebanyak 10.9 peratus.

Bahawa "zaman makmur muncul kembali" begitu ketara apabila KDNK berkembang sebanyak 8.1 peratus di antara Julai dan September tahun ini, yang membuka jalan bagi peningkatan seterusnya di dalam ekonomi bagi suku terakhir tahun ini dan juga di masa akan datang.

Ahli-ahli ekonomi mengaitkan pemulihan ekonomi itu kepada adunan beberapa faktor, yang terpenting ialah dasar perkembangan kerajaan yang merangsang perbelanjaan untuk mengekang kemelesetan apabila perniagaan hampir terhenti pada satu ketika.

"Itu telah mengurangkan tekanan kewangan ke atas sektor swasta dan merangsang permintaan domestik dengan mendadak," kata ahli ekonomi Rating Agency Malaysia (RAM) Dr Yeah Kim Leng.

Seorang penganalisis lain berkata sektor elektronik -- salah satu daripada penyumbang KDNK utama negara -- telah mendapat manfaat daripada peningkatan permintaan elektronik global, yang, dalam proses itu, mempercepatkan pemulihan.

Sebahagian besar, katanya pemulihan ekonomi Malaysia adalah hasil kawalan modal berpilih-pilih yang diperkenalkan pada September 1998, kerana ia menebat dan memberikan ruang bernafas yang amat diperlukan bagi memperbaiki ekonomi yang tenat itu.

Gabenor Bank Negara Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman memperkukuhkan pengakuan formula yang berjaya itu, sambil berkata bahawa ekonomi "telah keluar daripada keadaan beku sama sekali" oleh kerana kestabilan dan kepastian yang diberikan oleh kawalan itu dan kadar tukaran wang yang ditetapkan.

Dengan ringgit diikat pada RM3.80 kepada dolar AS sejak September 1998, para pengimport dan pengeksport melihat halangan utama dihapuskan kerana mereka dapat menentukan kos mereka memandangkan mereka tidak lagi tertakluk kepada turun-naik yang luas dalam kadar tukaran wang.

Dengan kecergasan elektronik global yang mapan, sesetengah ahli ekonomi meramalkan bahawa KDNK negara akan berkembang di antara tujuh dan sembilan peratus dalam suku keempat 1999 manakala Dr Yeah mengunjurkan pertumbuhan

lebih daripada 8.0 peratus.

Dr Yeah berkata unjuran KDNK RAM bagi seluruh 1999 adalah 4.6 peratus manakala ramalan Perbendaharaan ialah 4.3 peratus, satu semakan 1.0 peratus pertumbuhan yang dibuat lebih awal.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang membayangkan bahawa KDNK 1999 boleh melebihi unjuran empat peratus itu, berkata ekonomi, yang ditebat oleh kawalan modal, mencapai prestasi lebih baik memandangkan spekulator-spekulator matawang yang tidak bertanggung jawab tidak boleh lagi menyerang matawang tempatan.

Bagi tahun depan, RAM meramalkan bahawa ekonomi akan berkembang sebanyak 6.1 peratus berbanding penguncupan 7.5 peratus pada 1998 manakala ramalan Perbendaharaan ialah bagi ekonomi untuk berkembang sebanyak 5.0 peratus.

Sesetengah (ahli ekonomi) lebih yakin lagi, mengunjurkan bahawa Malaysia akan kembali ke paras sebelum krisis dengan pertumbuhan berpurata lapan peratus tahun depan.

Mereka juga berkata kadar inflasi negara yang rendah dan kedudukan lebihan yang besar sumber akan membolehkan permintaan langkah-langkah ransangan yang lebih lanjut diambil bagi mengekalkan proses pemulihan.

Ini akan dibantu oleh ramalan ekonomi antarabangsa yang memberangsangkan dan regim kadar faedah yang rendah yang berterusan yang akan mendorong aktiviti ekonomi yang lebih besar.

Dr Yeah berkata Malaysia mempunyai keupayaan berlebihan dalam beberapa sektor yang akan menggalakkan pertumbuhan KDNK tanpa terlalu memanasakan ekonomi.

Katanya penggunaan sepenuhnya beberapa aktiviti perkilangan adalah masih kurang daripada 100 peratus manakala lebihan RM39 bilion di sektor hartanah (sehingga Oktober 1999) adalah antara contoh keupayaan berlebihan itu.

Senario gunatenaga tidak penuh sekarang dan ramainya lepasan sekolah dan graduan baru menyertai pasaran buruh tahun depan juga bermakna tekanan upah belum muncul, tambahannya.

Tenaga buruh Malaysia dijangka meningkat sebanyak 2.0 peratus kepada 9.194 juta pekerja, manakala kadar pengangguran diramalkan sebanyak 3.0 peratus pada 2000.

Seorang penganalisis menegaskan bahawa ekonomi sekarang adalah lebih berketahanan kepada potensi kejutan luaran dan risiko-risiko sistemik berikutan langkah-langkah dasar yang dicetuskan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Langkah-langkah itu berkaitan dengan pengukuhan kedudukan rizab luar Malaysia, sistem kewangan dan sektor korporat.

Penganalisis itu juga berkata membiayai ekonomi semasa krisis adalah boleh dipuji kerana kerajaan mengambil langkah mendapatkan sumber dana paling murah tanpa terlalu mendedahkan negara kepada kejutan-kejutan luar.

Nisbah hutang luar jangka pendek Malaysia kepada rizab luar negeri, satu petunjuk utama pendedahan kepada penjejasan luar, berada pada cuma 20 peratus September lalu berbanding dengan 52 peratus bagi Thailand dan hampir 60 peratus bagi Korea Selatan. -- BERNAMA

AD SHY OS